



اُيْتِمُ تِكْنُولُوجِي مَارَا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

BULETIN UNIT RESIDENSI & HOSPITALITI PELAJAR

*UITM CAWANGAN NEGERI SEMBILAN
KAMPUS SEREMBAN*

EDISI 2
APRIL 2025

U
R
H
P

UiTM *di hatiku*

اوسمها تقوى موليا

SIRI PENGURUSAN PROGRAM JAWATANKUASA PERWAKILAN KOLEJ SESI 2024

Nur Amylia Atira, Noor Insyiraah & Mohamad Aliff Suhaimi

DATA AJK PROGRAM JPK SESI OKT-FEB - (E...

	A	B	C	D	E	F	G	H	I	J
	MINGGU	SUSUNAN PROGRAM	STATUS	PENASIHAT	HARI	KP	TKP	SETIAUSANA	BENDAHARI	MULTIMEDIA
1	1	MMK	SELESAI	DR. AIMAN	SELASA,RABU	NANA	HARIZ	IZZATI	AQMAR	FAHRIN,NAZ
2	5	DEMO DEBAT 2.0	SELESAI	DATIN SYAMALIAH	SELASA	SYIRA	KDO	NAZ	HARIZ	IZZATI,KMAL,ALIFF
3	6	JALINAN EMAS	HANT...	DR. AIMAN	AHAD	AMY	IZZATI	SYIRA	ZUL	FAHRIN,AQMAR,HAKIM
4	7	WHEELS OF FLAVOUR	LULUS	PN. SAFLINA	ISNIN-AHAD	AQMAR	IKMAL	LUQMAN	HAKIM	IZZATI,ALIFF,AIMAN
5	7	MOBILE LEGEND	LULUS	DR. AIMAN	ISNIN-JUMAAT	ZUL	HARIZ	FAHRIN	ALIFF	HUSNA,IKMAL,NARISYA
6	7	JPK D'or	LULUS	TN. FAKARUL	SELASA	AIMAN	NANA	NARISYA	AQMAR	FAHRIN,AMY
7	7	BAITI JANINATI	LULUS	DR. AIMAN	RABU	HARIZ	ALIFF	LUQMAN	NAZ	ZUL,AIMAN,NARISYA
8	7	JPK COLOR RUN	LULUS	PN. SAFLINA	KHAMIS	NAZ	ZUL	HUSNA	NANA	HARIZ,SYIRA
9	7	JENDELA DEMOKRASI	LULUS	DATIN SYAMALIAH	SABTU	IZZATI	AISYAH	HUSNA	HAKIM	FAHRIN,SYIRA
10	7	FIT (COLLAB)	LULUS	TC. SAIFUL	AHAD	SYAH	SYIRA	ZUL	HARIZ	FAHRIN,AQMAR,NARISYA,ALIFF
11	8	SUKAN SANTAI KOLEJ	LULUS	PN. SAFLINA	SABTU	NANA	HAKIM	NAZ	AISYAH	IZZATI & HARIZ
12	8	SAFETY ACKNOWLEDGEMENT	LULUS	TC. SAIFUL	AHAD	NARISYA	AMY	AIMAN	SYAH	NAZ,HUSNA
13	9	JANNATUL SRIKANDI	LULUS	TN. FAKARUL	KHAMIS	ALIFF	HUSNA	AISYAH	IZZATI	FAHRIN,AMY,NANA
14	9	JPK PENALTY SHOOT	LULUS	DR. AIMAN	JUMAAT	AISYAH	IZZATI	AMY	SYIRA	HUSNA
15	9	KURSUS ASAS PERTOLONGAN CEMAS	LULUS	TC. SAIFUL	SABTU	FAHRIN	NANA	AQMAR	LUQMAN	HARIZ,ZUL
16	10	KIV PROGRAM KPI (GRADUAN)	LULUS	DATIN SYAMALIAH	RABU	HUSNA	IZZATI	AIMAN	AMY	FAHRIN,ZUL
17	11	SPARKLING SANCTUARY CHALLENGE	LULUS	PN. NISA	KHAMIS	HUSNA	IKMAL	NARISYA	AMY	FAHRIN,SYIRA
18	11	ANNUAL GENERAL MEETING	LULUS	PN. SAFLINA	AHAD	LUQMAN	SYAH			
19	12									
20										
21										
22										

SUSUNAN PROGRAM & AJK UJIAN (JPK) UJIAN (SJPK) DATA AJK D... PERJUMPA... P +

UiTM Kampus Seremban, 4 September 2024 – Pada Rabu malam, telah dilancarkan sebuah inisiatif pelaksanaan pengurusan program yang diterajui oleh Exco Korporat dan Perhubungan Luar Jawatankuasa Perwakilan Kolej sesi 2024. Dengan kekuatan anggota seramai 3 orang ahli Exco, inisiatif telah berjaya dilaksanakan bermula jam 9.00 malam hingga selesai. Antara faktor terwujudnya inisiatif ini adalah kerana di pihak penganjur mengambil kira jumlah rancangan program JPK yang padat iaitu sejumlah 19 program ketika itu.

Melalui pelaksanaan inisiatif ini, diharap dapat mencapai dua objektif utama iaitu yang pertama, memberi peluang kepada semua ahli JPK untuk berada di mana mana jawatan di dalam program. Hal ini sejajar dalam mencapai hasrat kesemua ahli JPK mampu beradaptasi, fleksibel di dalam tugas dan juga mampu memupuk semangat ingin tahu yang tinggi. Inisiatif ini juga penting dalam melahirkan seorang ahli JPK yang kompeten dari segi pengurusan, amanah dan juga tawaduk dalam setiap program. Konsep sebegini amatlah penting sebagai asas pembentukan akar umbi mahasiswa yang mapan, proaktif ke arah budaya saing di alam pekerjaan nanti.

JPK Amy

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Salam Sejahtera,
Salam UiTM DiHatiku,
Salam Malaysia MADANI.

🌸 [Memo Panggilan Mesyuarat Bil.1]
🌸

**MESYUARAT PENGURUSAN
PROGRAM JPK SESI OKT 2024 - FEB
2025**

Diminta bagi semua **JPK** untuk menyertai mesyuarat pada tarikh dan hari yang telah ditetapkan. Butir-butir adalah seperti ketetapan yang berikut:

 **Tarikh: 4 September 2024 (Rabu)**
 **Masa: 9.00 PM hingga selesai**
 **Platform:**
 • **Atas talian (Google Meet)**
<https://meet.google.com/fot-fjoc-pxe>

AGENDA:

1. Susun atur cadangan **program** bawah Fesko dan Luar Fesko
2. Susun atur AJK setiap **program**
3. Taklimat ringkas **pengurusan** takwim **program**

Tidak cuma itu, sebuah hubungan ikatan ukhuwah yang lebih erat dapat dibentuk sesama ahli JPK kerana dapat saling belajar antara satu sama lain. Sedikit pengecualian kepada Exco Multimedia dan Publisiti di mana ahli Exco mereka perlulah menjadi PiC bagi Biro Multimedia di dalam setiap program. Hal ini bertujuan memberi panduan jelas kerana tugas Biro Multimedia merupakan antara tugas khas yang hanya mampu dipenuhi oleh ahli Exco Multimedia itu sendiri. Kaedah yang digunapakai bagi menyusun atur PiC dari Exco Multimedia adalah melalui kaedah penggiliran tetapi juga melihat kepada saiz program.

Agenda inisiatif ini tidak hanya terhenti disitu, terdapat dua agenda utama lainnya, iaitu Susun Atur Cadangan Program Bawah FESKO dan Luar FESKO. Sebagaimana kita tahu, JPK sesi 2024 mempunyai hasrat besar untuk melaksanakan sebuah program mega iaitu Festival Kolej sesi 2024. Sebuah perancangan teliti telah dilaksanakan terutama susun atur program – program yang bakal dilaksanakan dalam tempoh seminggu tersebut. Prosedur yang digunakan adalah pertamanya melihat kepada saiz program dan jenis program. Dari segi saiz program seperti pelaksanaan secara formal atau tidak formal dan juga jumlah sasaran audien. Di pihak penganjur juga mengambil kira faktor kawasan pelaksanaan program. Dari segi jenis program pula terdapat dua mod iaitu pelaksanaan secara fizikal ataupun secara atas talian.

Sesi ini diteruskan lagi dengan penyusunan program di Luar FESKO mengikut kepada kriteria yang ditetapkan. Agenda ketiga adalah berkenaan Taklimat Pengurusan Takwim Program. Setiap ahli JPK yang berkenaan perlulah mengemaskini perkembangan berkenaan program terutama dari segi Status Program, Kos Lulus, Catatan (jika ada) dan juga Faktor Gagal (jika ada). Di dalam sesi ini telah diterangkan berkenaan perkara tersebut dan perkara lain amnya bagi memberi gambaran jelas kepada ahli JPK. Sesi kemaskini perkembangan program ini amatlah penting sebagai rujukan utama kepada seluruh ahli JPK utamanya.

32		5/11/2024	SELASA								
33		6/11/2024	RABU								
34		7/11/2024	KHAMIS	DEMO DEBAT 2.0	TPSU 2	NOOR INSYRAH BINTI IMRAN	NAZ ASYRAF BIN MOHAMAD NAZARUL	DATIN SYAMAL....	SELESAI		
35		8/11/2024	JUMAAT								
36		9/11/2024	SABTU								
37		10/11/2024	AHAD								
38		11/11/2024	ISININ								
39		12/11/2024	SELASA	LANGKAH MAHASISWA KE PUSAT KUASA	PARLIMEN MALAYSIA	MUHAMMAD SYAH IKMAL BIN SUJIDIN	NUR SYAMERA NARISYA BINTI ROHISSYAM	DATIN SYAMAL....	GAGAL		
40		13/11/2024	RABU								
41		14/11/2024	KHAMIS								
42		15/11/2024	JUMAAT								
43		16/11/2024	SABTU								
44		17/11/2024	AHAD	JALINAN EMAS		NUR AMYLIA ATIRA BINTI SABARUDIN	MOHAMAD ALIFF BIN SUHAIMI	DR. AIMAN	GAGAL		
45											
46											
47											
48											
49											
50											
51											
52		25/11/2024	ISININ	WHEELS OF FLAVOUR	PERKARANGAN MAYANG SELIDA	MUHAMMAD ZULHILMI BIN ZULKIFLI	MOHAMAD FAHRIN BIN ROSLI	DR. AIMAN	SELESAI	RM500.00	RM130
53		26/11/2024	SELASA	PERTANDINGAN MOBILE LEGENDS	DEWAN MINI TPSU	MUHAMMAD AAMAN BIN MAZLAN	NUR SYAMERA NARISYA BINTI ROHISSYAM	TN. FAKARUL	SELESAI	RM520.00	RM320
54		27/11/2024	RABU	JPK D'or	ATAS TALIAN	HARIZ HAFIE BIN SYID AWALUDIN INDERA	MUHAMMAD LUOMAN AL-HAKIM BIN MOHD YUSRI	DR. AIMAN	SELESAI	RM275.00	RM100
55		28/11/2024	KHAMIS	BAITI JANNATI	PUSAT ISLAM	NAZ ASYRAF BIN MOHAMAD NAZARUL	NUR HUSNA HAZIRAH BINTI MOHD ISMAIL	PN. SAFLINA	SELESAI	RM382.00	RM180
56		29/11/2024	JUMAAT								
57		30/11/2024	SABTU	JPK COLOR RUN	MARQUEE TENT	NURUL IZZATI BINTI ABD HALIM PAHMI	NUR HUSNA HAZIRAH BINTI ISMAIL	DATIN SYAMAL....	SELESAI	RM1043.00	RM268
58		1/12/2024	AHAD	Jendela Demokrasi: Meneroka Suara Pemimpin	TPSU 2	MUHAMMAD SYAH IKMAL BIN SUJIDIN	MUHAMMAD ZULHILMI BIN ZULKIFLI	TC. SAIFUL	SELESAI	RM1872.50	RM1822
59		2/12/2024	ISININ								
60		3/12/2024	SELASA								
61		4/12/2024	RABU								
62		5/12/2024	KHAMIS								
63		6/12/2024	JUMAAT								
64		7/12/2024	SABTU	FACILITATOR IN TRAINING (FIT)	DEWAN MINI TPSU	NUR HUSNA BINTI HASNAN	NAZ ASYRAF BIN MOHAMAD NAZARUL	PUAN SAFLINA	GAGAL	RM2638.00	RM1346
65		8/12/2024	AHAD	SUKAN SANTAI KOLEJ	PERKARANGAN MS	NUR SYAMERA NARISYA BINTI ROHISSYAM	MUHAMMAD AAMAN BIN MAZLAN	TC. SAIFUL	SELESAI	RM429.00	RM242
66		9/12/2024	ISININ								
67		10/12/2024	SELASA								
68		11/12/2024	RABU								
69		12/12/2024	KHAMIS	SAFETY ACKNOWLEDGEMENT	TPSU 2	MOHAMAD ALIFF BIN SUHAIMI	MUHAMMAD ZULHILMI BIN ZULKIFLI	TN. FAKARUL			
70		13/12/2024	JUMAAT	JANNATUL SRIKANDI	TPSU 2	NURUL AISYAH BINTI MAT YUSOFF	NUR AMYLIA ATIRA BINTI SABARUDIN	DR. AIMAN	GAGAL	RM 1362.00	
71		14/12/2024	SABTU	WADAH TAMU	MARQUEE TENT	NUR HUSNA BINTI HASNAN	NAZ ASYRAF BIN MOHAMAD NAZARUL	PUAN SAFLINA	GAGAL	RM2004.00	RM1400
72		15/12/2024	AHAD	JPK PENALTY SHOOT	PADANG S3	MOHAMAD FAHRIN BIN ROSLI	NUR AQMAR BINTI ANUAR	TC. SAIFUL	SELESAI	RM 890.00	RM 300
73		16/12/2024	ISININ								
74		17/12/2024	SELASA								
75		18/12/2024	RABU	KURSUS ASAS PERTOLONGAN CEMAS	DEWAN MINI TPSU	NUR HUSNA HAZIRAH BINTI MOHD ISMAIL	MUHAMMAD AAMAN BIN MAZLAN	DATIN SYAMAL....	SELESAI	RM 1327.00	RM 860
76		19/12/2024	KHAMIS								
77		20/12/2024	JUMAAT								
78		21/12/2024	SABTU	SANTUNI KOMUNITI FELDA	FELDA RAJA ALIAS 4	MOHAMAD ALIFF BIN SUHAIMI	MUHAMMAD SYAH IKMAL BIN SUJIDIN	TN. FAKARUL	GAGAL		
79		22/12/2024	AHAD								
80											

Gambar Rajah Takwim Program JPK sesi 2024

Majlis diteruskan lagi dengan sesi taklimat ringkas oleh JPK Syah bagi bahagian penerangan Kertas Kerja, Borang C, Borang Aktiviti Pelajar. Sesi ini amatlah signifikan memandangkan kesemua ahli bakal menjadi Pengarah Program dan sedikit sebanyak memberi sebuah panduan jelas berkenaan program.

Melalui inisiatif ini diharapkan dapat mencapai objektif utama iaitu memastikan setiap ahli JPK merasai kepelbagaian Biro, malahan Majlis Tertinggi Program agar dapat memupuk fleksibiliti dalam pelaksanaan tugas dan juga memperkasa semangat ukhuwah yang mantap.